

Dasar mesra perniagaan Malaysia peka saingan



Md Riyadh Dahalan
Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL

Menurut Laporan Urbanisasi Global: 2014, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menjelang 2030 akan wujudnya 41 megalopolis di dunia (penduduk melebihi 10 juta) dan daripada jumlah itu, 66 peratus adalah di Asia.

Setiap daripada bandar raya berkenaan akan melaksanakan pementenan dan penambahbaikan pada setiap masa dan dari setiap inci sudut bagi kekal kompetitif dalam ruang persaingan yang semakin sengit. Ini jelas ketara apabila ranking kedudukan bandar raya terbaik dunia berubah pada setiap tahun.

Bandar raya yang kita pandang enteng 20 tahun lalu seperti Dubai atau Shanghai kini gah berada di kedudukan 10 teratas di dunia.

Bagi Malaysia, selaras dengan matlamat untuk merekayasa dan merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi, tumpuan pembangunan dan strategi kemampunan telah diolah oleh ke-

rajaan bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai antara bandar raya terbaik di dunia.

Usaha kerajaan itu diterjemahkan melalui pelan GreaterKL di bawah ETP dan juga Pelan Induk Daya Saing Bandar Kompetitif di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Usaha peringkat daya saing

Berdasarkan Economist Intelligence Unit Hotspots 2025, Kuala Lumpur adalah berkedudukan 31 di dunia (kedua terbaik di ASEAN). Menurut laporan itu juga, kedudukan Kuala Lumpur berpotensi untuk melonjak ke tangga lebih atas sekiranya ia mendapat markah yang lebih baik di dalam kategori pendapatan per kapita.

Oleh yang demikian, fungsi agensi kerajaan seperti InvestKL adalah amat penting untuk membawa masuk syarikat multinasional global untuk menubuhkan hab operasi global mereka di Kuala Lumpur.

Perjawatan serantau yang diwu-

judkan bukan sahaja melonjak posisi Kuala Lumpur sebagai hab perniagaan terpenting di rantau ini, tetapi juga meningkatkan pendapatan purata rakyat Kuala Lumpur kepada tahap lebih tinggi.

Bagi maksud meyakinkan lebih banyak pelaburan dan bakat untuk memilih Kuala Lumpur, aspek penambahbaikan holistik harus diusahakan. Penggembleran usaha agensi Kerajaan yang lain adalah amat penting demi mencapai objektif itu.

Kuala Lumpur tidak hanya perlu berusaha untuk merapatkan jurang persaingan dengan pesaing yang di hadapan, tetapi ia juga harus menyedari jurang yang kian dirapati oleh pesaing di belakang.

Merurut Cities of Opportunity 7: 2016 yang dikeluarkan oleh PricewaterhouseCoopers, Kuala Lumpur kian merapati pesaing terdekat di ASEAN iaitu Singapura daripada aspek infrastruktur pengangkutan awam, kepenti-

ngan ekonomi serantau dan mudah memulakan perniagaan.

Peningkatan kedudukan Kuala Lumpur itu adalah hasil berterusan kerajaan untuk memperbaiki infrastruktur dan sistem penyampaian.

Selain pelaburan berbilion ringgit untuk meningkatkan aspek perkakasan seperti sistem pengangkutan awam, tumpuan juga diberi untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih kompetitif daripada aspek perisiannya.

Jawatankuasa penyelarasan seperti PEMUDAH dan juga Perbadanan Produktiviti Malaysia, memainkan fungsi yang amat penting untuk mempertingkatkan daya saing Kuala Lumpur.

Hasil penambahbaikan yang dilaksanakan saban tahun, jelas memberi isyarat penting kepada pelabur dan masyarakat dunia bahawa kerajaan Malaysia adalah sentiasa mesra perniagaan serta peka persaingan yang kian hari kian sengit.